

Nota Percakapan Iftar Bersama Media MINDEF

Peranan Media Dalam Mencorak Pemikiran Masyarakat

1. Saya sangat berterima kasih atas sokongan dan dukungan pihak media selama ini. Bukan sahaja kepada pihak Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Tetapi kepada saya secara peribadi.
2. Terima kasih atas komitmen dan profesionalisme yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas. Dan terima kasih atas dedikasi dalam membuat liputan serta laporan yang bermanfaat kepada masyarakat.
3. Seperti yang kita maklum, salah satu daripada peranan penting pengamal media adalah untuk bersama-sama mendidik dan memandaikan masyarakat dengan maklumat yang tepat, benar dan bermesej.
4. Media adalah instrumen yang sangat ampuh dan berkuasa dalam membentuk persepsi serta mencorak pemikiran masyarakat.
5. Kalau kita lihat, perubahan naratif ke atas rejim haram Zionist dan kesedaran global berkaitan dengan pembunuhan beramai-ramai ke atas rakyat Palestin, cetusan kebangkitan itu banyak digerakkan melalui pelbagai platform media. Khususnya media sosial dan *photojournalists*.
6. Perkara ini jelas menunjukkan betapa pemahaman, persepsi dan pendirian atas sesuatu isu keselamatan dan pertahanan banyak dipengaruhi oleh media.
7. Atas sebab ini jugalah, selain mensasarkan pembunuhan secara spesifik golongan wartawan, rejim Zionist kini dalam proses meluluskan undang-undang yang akan mengharamkan terus operasi media luar di negara Palestin. Khususnya Al-Jazeera.
8. Ini kerana mereka sedar, kebangkitan dan sikap kritikal ke atas jenayah perang yang dilakukan oleh mereka banyak dibongkarkan oleh media yang telus dan profesional.

Media dan MINDEF

9. Atas dasar itu, dalam konteks pertahanan negara kita, **sejujurnya saya juga sangat memerlukan kerjasama, sokongan dan bantuan pihak media untuk bersama-sama membantu kementerian ini.**
10. Apatah lagi, **agenda pertahanan negara yang dikemudikan oleh MINDEF dan ATM sekarang ini, tidak lagi hanya berkisar tentang ketenteraan, peperangan atau isu-isu yang melibatkan tugas serta tanggungjawab hakiki anggota tentera.**
11. **Konteks dan spektrum pertahanan hari ini adalah jauh lebih luas dan kompleks.** Khususnya apabila kita melihat pertahanan itu sebagai satu ekosistem yang melibatkan pelbagai pemegang taruh. Termasuklah membina dan mengembangkan hubungan serta diplomasi pertahanan dengan pelbagai negara.

Fokus MINDEF dan ATM 2024

12. Saya dan kementerian mempunyai beberapa perkara yang menjadi fokus kami pada tahun 2024. Dan saya harap para pengamal media semua dapat bersama-sama dengan Kementerian untuk mengangkat fokus ini agar boleh disampaikan dengan sejelas-jelasnya kepada masyarakat.
13. **PERTAMA, agenda kebajikan anggota pertahanan.**
14. MINDEF adalah antara 5 kementerian utama yang menerima peruntukan terbesar daripada Kerajaan Perpaduan. Banyak sekali aspek kebajikan dan kemaslahatan anggota dan veteran diberikan perhatian.
15. Misalnya, penggandaan **100%** peruntukan tujuan senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang **bernilai RM400 juta** berbanding hanya RM200 juta tahun lalu.
16. Saya nekad untuk memastikan program pembinaan baharu dan senggaraan RKAT akan disempurnakan dengan sebaiknya.
17. Kita sedar, golongan perajurit dan anggota pertahanan kita tidak bergadai nyawa di perbatasan semata-mata untuk memastikan negara

aman dan berdaulat. Namun, mereka mahu memastikan Malaysia menjadi rumah terbaik untuk semua. Jadi, mana mungkin, rumah keluarga angkatan tentera sendiri kita biarkan dalam keadaan yang tidak selesa dan bermaruah.

18. Seperkara yang jarang difahami, diangkat dan diketengahkan secara meluas adalah, Kementerian Pertahanan sebenarnya turut memikul amanah untuk menjaga kebajikan anggota pertahanan yang sudah bersara.
19. Kumpulan veteran adalah salah satu pemegang taruh besar kementerian ini. Buat masa sekarang terdapat seramai **216,239** veteran termasuk balu diuruskan oleh Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).
20. Jadi, adalah kritikal untuk Kementerian Pertahanan memberi perhatian serius kepada isu ini. Dan saya sangat berterima kasih kepada Kerajaan Perpaduan yang melihat isu kebajikan ATM sebagai perkara yang mesti diberikan perhatian.
21. Perkara ini dapat dilihat pada perbandingan jumlah peruntukan keseluruhan yang diberikan kepada JHEV.
22. Jika semasa **Kerajaan Perikatan Nasional** sebelum ini, peruntukan yang diberikan hanyalah sebanyak **RM105.3 juta pada tahun 2021 dan diturunkan kepada RM92.3 juta pada tahun 2022.**
23. Namun, selepas mengambil alih Kerajaan, Kerajaan Perpaduan telah meningkatkan peruntukan kepada JHEV menjadi **RM118.4 juta pada tahun 2023.**
24. **Pada tahun ini pula, peruntukan ini telah terus digandakan secara signifikan kepada RM279.2 juta iaitu peningkatan sebanyak RM160.8 juta bersamaan dengan 135% kenaikan.**
25. Penggandaan peruntukan yang besar ini menjurus kepada penyaluran Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada veteran.
26. Pada tahun 2021 dan 2022, BSH yang disalurkan adalah berjumlah **RM58.6 juta** dengan bayaran sebanyak RM300 seorang kepada **16,582 penerima.**

27. Namun, pada tahun ini, peruntukan BSH tersebut **meningkat lebih 3 kali ganda kepada RM174 juta dengan bayaran sebanyak RM300 seorang kepada 50 ribu penerima. Kerajaan Perpaduan telah mengambil inisiatif baharu bagi melebarkan kumpulan sasar dengan turut memasukkan penerima dari kalangan veteran tidak berpencen yang berusia 60 tahun ke atas.**
28. Dan bagi memastikan agenda kebajikan ini turut memberi manfaat secara langsung kepada ahli keluarga anggota ATM, hari ini terdapat 3 lagi program akan dijayakan.
29. **Pertama, kementerian melalui Yayasan LTAT akan menyampaikan Bantuan Kebajikan Anak Kurang Upaya warga ATM.**
30. Di bawah program ini, Yayasan LTAT memperuntukkan **jumlah sumbangan sebanyak RM300 ribu.**
31. Daripada jumlah ini, sebanyak **RM300 akan diberikan kepada anak-anak kategori OKU daripada warga ATM** yang masih bersekolah atau tidak bersekolah dan sebanyak **RM500 akan diberikan kepada mereka yang sedang melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS.**
32. **Kedua, Pharmaniaga Berhad, yang merupakan anak syarikat di bawah Kementerian Pertahanan, akan menyampaikan sumbangan Aidil Fitri kepada Pelajar-pelajar Sekolah Tahfiz dan Anak Yatim ATM berjumlah RM22,500.**
33. Selain itu, sebagai usaha meningkatkan kemahiran dan pendedahan yang diperlukan, kementerian akan melancarkan 2 program pendedahan bersama dengan 2 anak syarikat Kementerian Pertahanan iaitu Pharmaniaga Berhad dan BHPetrol.
34. **Pertama, program Pharmagrad dengan kerjasama Pharmaniaga.** Program ini merupakan satu bentuk Latihan Industri yang dikhususkan kepada anak-anak anggota dan veteran ATM.
35. Anak-anak anggota dan veteran ATM yang merupakan para graduan dalam bidang-bidang seperti farmaseutikal, biomedikal, kimia, R&D, kejuruteraan, logistik, teknologi maklumat dan kewangan akan berpeluang menjalani latihan industri **selama 8 bulan bersama-sama dengan Pharmaniaga.**

36. **Bermula tahun hadapan, sebanyak 120 tempat akan diperuntukkan oleh Pharmaniaga Berhad menerusi Pharmagrad.**
37. **Kedua, Professional Training and Education for Growing Enterpreneurs – Ready To Work atau PROTEGE – RTW dengan kerjasama BHPetrol.**
38. PROTEGE-RTW ini merupakan satu program yang menggabungkan beberapa rangkaian inisiatif bagi meningkatkan potensi kebolehpasaran graduan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan graduan menganggur. Dan ia terbuka kepada graduan anak-anak ATM dalam semua bidang.
39. PROTEGE-RTW ini akan melibatkan, antara lain, latihan penempatan dan bimbingan bersama syarikat-syarikat yang terlibat dalam **tempoh 8-12 bulan**. Antara syarikat yang menyertai program ini bersama-sama dengan Pharmaniaga adalah GLC, syarikat-syarikat penerima perolehan Kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.
40. **BHPetrol akan memperuntukkan 22 tempat setiap tahun untuk tempoh 3 tahun dengan jumlah keseluruhan sebanyak 66 penempatan. Pemilihan calon akan dibuat berdasarkan kriteria yang telah digariskan mengikut kesesuaian.** Bilangan ini akan disemak semula mengikut keperluan pada tahun-tahun yang akan datang.
41. Harapan kita, melalui rangkaian program ini, agenda kebajikan ATM dan keluarga bukan sahaja akan diperkemas. Namun, dipelbagaikan dengan pendekatan-pendekatan yang lebih inovatif dan bersesuaian dengan kumpulan sasar.

Hadirin dan hadirat sekalian,

42. **FOKUS KEDUA** Kementerian Pertahanan pada tahun ini adalah **menjayakan pembentukan sebuah Angkatan Masa Hadapan yang moden dan berkesan.**
43. Kementerian mahu memastikan kita memulakan proses membangunkan sebuah ketumbukan pertahanan yang dipacu oleh teknologi dan berupaya untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan.

44. Ini adalah satu proses yang panjang, menelan belanja yang besar dan memerlukan komitmen semua pihak. Paling penting, ia mesti dilihat sebagai misi nasional bersama.
45. Semua pihak mesti terlibat dan menyumbang dengan cara dan kapasiti sendiri.
46. **Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua bakat terbaik di luar sana, khususnya dalam bidang kritikal seperti domain siber dan elektromagnetik, untuk mempertimbangkan perkhidmatan tentera sebagai laluan kerjaya.**
47. Pihak media boleh membantu membantumenarik minat pelbagai golongan bijak pandai di luar sana untuk memberi sumbangan dalam pertahanan negara.
48. Setiap daripada kita, biar apa pun minat dan kepakaran yang dimiliki, mempunyai ruang dan peluang untuk menyumbang kepada pertahanan negara. Baik secara langsung mahupun tidak langsung.
49. **Perkara ini secara tidak langsung menegaskan peranan dan sumbangan semua pihak dalam menjayakan agenda pertahanan menyeluruh.**